

# TINALITE SOLUTION

Tolnaftate (1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tinalite
2. Bagaimana Tinalite berfungsi
3. Sebelum mengambil Tinalite
4. Cara menggunakan Tinalite
5. Semasa menggunakan Tinalite
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tinalite
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Tinalite

Untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit (kulit kepala, badan, celah paha, kaki) dan tinea versicolor.

## Bagaimana Tinalite berfungsi

Tolnaftate membunuh kulat dengan memberhentikan pertumbuhan kulat yang mengakibatkan jangkitan.

## Sebelum mengambil Tinalite

- Bila tidak boleh mengambil  
Jika ada alahan terhadap tolnaftate atau ramuan-ramuan lain produk.

## - Sebelum mula mengambil

Sila beritahu doktor jika kau anda hamil atau menyusukan anak.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Tinalite

- Berapa banyak harus diambil  
Sapu pada kulit dua kali sehari.

## - Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

## - Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

## - Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

## - Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Tinalite

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan perlu dihentikan jika iritasi dan alahan serius berlaku. Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Tiada laporan kesan sampingan yang disebabkan oleh Tinalite. Walaupun demikian, ia mungkin mengakibatkan alahan dan iritasi kepada sesetengah pengguna. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Tinalite

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Larutan tanpa warna.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: tolnaftate
- Bahan tidak aktif: isopropyl alcohol, propylene glycol, butyl hydroxytoluene, macrogol dan air.

### - Nombor MAL:

MAL19912086X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

24/05/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)12052017/00104